



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 29 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SIN CHEW DAILY -ONLINE HASIL LUMAYAN TERNAK LEMBU SADO, BISNES SINAR, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	CANDAT SOTONG: KRU WARGA VIETNAM, BOT TEMPATAN DITAHAN, LOKAL, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	HARGA DURIAN MAKIN MAHAL KETIKA PKP, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	TURUN HARGA MD2 RM4 SEKILO, LOKAL, HM -24	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6.	80 PENJUAL IKAN PASAR BESAR KUANTAN TUTUP KEDAI, NEGERI PAHANG, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

兽医局：牛肉煮熟可安全食用·牛结节疹 不会传染人类

全国综合

+ 关注

广告

（布城27日讯）兽医局指出，感染牛结节疹疾病（Lumpy Skin Disease, LSD）的家畜尸体（Karkas）或牛肉并不危险，因为LSD不是人畜共患疾病，即它不会直接或通过牛肉感染人类。

马新社报道，兽医局在文告指出，受感染的牛肉在经过当局的检查或完全煮熟后可食用，因为LSD病毒在摄氏65度达30分钟就会被消灭。

在65度达30分钟就消灭

兽医局指出，所有感染LSD的牛或水牛都必须在该局的屠宰场屠宰，并且必须按照1985年肉类检验条规，接受该局的检验，以确保市场上出售的牛肉适合人类食用。

文告说，如果屠体或牛肉和内脏有结节性病变，则将完全按照处理传染性动物尸体的标准作业程序进行处理。然而，LSD病灶通常只在牲畜的皮肤层上发现。

兽医局指出，LSD是由痘病毒科病毒引起，可以通过蚊子和蜱等昆虫的叮咬在牛之间传播，也可以通过受感染牛的唾液和鼻子的分泌物传播。

兽医局将与卫生部合作，加强对进口和本地市场的所有牛肉进行监测，包括市场上的牛肉是否感染疾病，以及是否在卫生部属下的屠宰场屠宰。

广告

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	30

Hasil lumayan ternak lembu sado

Dua beradik mula ternak lembu dengan modal RM10,000

Oleh NORHASPIDA YATIM

MARANG

Bermula dengan memelihara dua ekor lembu sado yang dibeli pada harga RM10,000 pada 2015, dua beradik dari Kampung Bukit Parit, di sini mampu menjana pendapatan lumayan.

Nor Faizi Mamat, 25, memberitahu, secara purata mereka dapat menjual antara 50 hingga 60 ekor lembu sado pelbagai saiz dalam masa 12 bulan.

"Ternak lembu sado semakin mendapat tempat dalam kalangan golongan muda di negeri ini kerana kaedah penjagaannya mudah dan tempoh tumbesaran juga cepat," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Nor Faizi, dia dan abangnya, Mohd Nazri Mamat, 32, memelihara dua jenis lembu sado daripada baka Charolais dan Limosin serta mempunyai 15 ekor induk termasuk anak yang disimpan bagi tujuan pembiakan.

"Tempoh pembesaran lembu sado lebih singkat sekali gus membolehkan ia dijual dengan cepat. Berat badan haiwan ini dikatakan bertambah sekilogram setiap hari, lebih jinak dan tidak agresif."

"Proses penjagaannya juga mudah kerana ia makan sekali

sehari iaitu pada sebelah petang. Rutin sebelah pagi saya akan mencuci kandang dan memberi minum air. Selepas empat hingga lima jam ia akan diberi makan dedak dan rumput.

"Selain memelihara, kita juga menjadi transit untuk membeli dan menjual lembu sado yang diperoleh dari lokasi lain," katanya hasil jualan lembu sado sangat memberangsangkan.

Kata Nor Faizi, harga bagi seekor lembu sado bergantung pada saiz dan usia.

Lazimnya, harga induk betina lebih mahal berbanding lembu jantan. Lembu jantan pula akan dijual berdasarkan timbangan daging.

"Setakat ini lembu jantan yang paling mahal kami pernah jual berharga RM16,000 seekor dengan berat 900 kilogram. Bagi lembu betina pula harganya lebih mahal kerana dikategorikan sebagai induk dan harganya mencecah antara RM20,000 hingga RM25,000 seekor.

"Harga semasa anak lembu jantan usia setahun ke bawah pula antara RM7,000 hingga RM8,000 dan ia lebih rendah berbanding lembu betina berusia 10 bulan atau setahun ke bawah yang dijual pada harga antara RM11,000 hingga RM12,000," katanya.

Antara cabaran dalam memelihara lembu sado kata Mohd Faizi adalah mengawal penyakit berjangkit seperti hawar berdarah



Nor Faizi dan abangnya, Mohd Nazri memelihara lembu sado di Kg Bukit Parit, Marang sejak 2015.



NOR FAIZI



MOHD NAZRI



Anak lembu sado usia 12 bulan ke bawah yang dijual antara harga RM7,000 hingga RM8,000 seekor.

dan penyakit kuku dan mulut (FMD).

Jelas Mohd Faizi, semuanya bermula selepas dia menyaksikan pertandingan lembu sado peringkat negeri Terengganu sebelum mengambil keputusan untuk membeli tiga ekor induk. Dia kemudian mendaftarkan perniagaannya di bawah Syarikat Murai Teguh Enterprise pada 2017.

"Saya menceburi bidang ini selepas melihat potensinya. Pada

masa sama, saya mempunyai lokasi strategik untuk ternakan dan tanaman rumput bagi menampung kos makanan ternakan ini yang semakin mahal.

"Lembu sado ini dipelihara di atas tanah peninggalan arwah ayah yang berkeluasan 2.3 hektar.

Saya bangukan kandang seluas 0.4 hektar dan 1.6 hektar untuk tanaman rumput minyak dan rumput napier," katanya.

Menurutnya, proses pembiakan lembu baka ini adalah melalui kaedah peranakan berdas (Artificial Insemination).

29/6/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

22

Candat sotong: Kru warga Vietnam, bot tempatan ditahan

Kuantan: Dua tekong dan sembilan kru warga Vietnam ditahan bersama dua bot tempatan kerana kesalahan mencandat sotong di kawasan 10 batu nautika perairan Pekan dekat Kuala Pahang, kelmarin.

Semua mereka itu yang berusia antara 23 hingga 49 tahun ditahan bersama kira-kira 500 kilogram (kg) so-

tong. Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Abdullah Jaafar berkata, kehadiran dua bot itu disedari anggota Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) jabatan berkenaan ketika melakukan rondaan pada jam 5.15 pagi.

Menurutnya, aktiviti menangkap sotong bagi kelas bot berkenaan banya-

dibenarkan di kawasan 12 batu nautika ke atas sahaja.

Katanya, bagi kesalahan melanggar syarat lesen itu mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985, sabit kesalahan boleh dikenakan dengan denda RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya mengi-

kut Seksyen 25 akta yang sama.

"Semalam (kelmarin) CPS juga berjaya menahan sembilan bot tempatan dengan hasil tangkapan 100kg ikan bersama seorang tekong dan empat awak-awak tempatan yang menangkap ikan menggunakan pukat tunda di kawasan tujuh batu nautika perairan Kuala Pontian,

Endau Rompin.

"Aktiviti menangkap ikan hanya boleh dilakukan di kawasan 12 batu nautika ke atas, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 11, 3 (b) Akta Perikanan 1985.

"Sabit kesalahan boleh dikenakan denda RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya

mengikut Seksyen 25 akta yang sama," katanya.

Beliau berkata, dua bot bersama 11 kru warga Vietnam kini ditempatkan di pangkalan CPS Jabatan Perikanan Pahang, Padang Lalang, sementara bot pukat tunda ditempatkan di jeti nelayan Endau untuk proses tindakan undang-undang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	KOSMO	NEGARA	14

Paling tinggi duri hitam diikuti musang king **Harga durian makin mahal ketika PKP**

Oleh **ABDUL RASHID
 ABDUL RAHMAN**

RAUB - Meskipun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun harga durian tidak terjejas malah terus naik yang menyaksikan durian jenis duri hitam (Black Thorn) merekodkan harga paling tinggi.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamad Mustahapa Awang berkata, pada masa ini harga runcit purata durian jenis duri hitam adalah RM86 sekilogram diikuti durian musang king dengan harga RM61.65 sekilogram.

"Berdasarkan harga purata menyaksikan durian duri hitam naik kepada RM86 pada Jun tahun ini berbanding RM68 pada Jun tahun lalu, dengan harga ini tiga biji durian duri hitam yang berat sebiji dua kilogram mencecah lebih RM500.

"Antara faktor durian itu harganya yang tinggi adalah kerana ia menjadi pilihan utama kerana tidak banyak pengeluaran di mana kebun besar yang menghasilkan durian duri hitam, pada masa ini hanyalah di Kulim Bandar Baharu, jadi ramai yang ingin mencubanya," katanya di sini semalam.

Tambahnya, berdasarkan pemerhatiannya bentuk buah durian duri hitam yang sempurna membuatkan buah berkenaan nampak cantik dan menjadi pilihan orang ramai.

Menurut Mohamad Mustahapa, durian musang king yang berada di tempat kedua merekodkan harga purata RM61.65 sekilogram pada Jun tahun ini berbanding RM46 pada Jun ta-



ANTARA buah durian musang king yang mendapat permintaan yang tinggi pada masa ini di Raub semalam.

hun lalu. "Sehingga Jun lalu durian udang merah berada di tempat ketiga dengan harga purata RM40.50 sekilogram diikuti durian IOI (RM33.95), durian D24 (RM32.80) dan durian kampung dengan harga purata RM17.60 sekilogram," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, harga raja buah itu juga bergantung kepada pengeluaran di satu-satu kawasan yang menyaksikan harga akan turun sekiranya berada di puncak pengeluaran.

Tambahnya meskipun berlaku kenaikan harga berbanding

tahun lalu, namun harga raja buah itu dilihat masih belum mencapai tahap maksimum dan permintaan terus meningkat dari semasa ke semasa.

"Berdasarkan pemerhatian saya di Raub baru-baru ini saya lihat harga buah duriapi musang king tidaklah tinggi sangat apabila dijual dengan harga RM35 sekilogram, mungkin di sesetengah tempat yang tidak banyak durian ini harganya akan tinggi.

"Jadi sebagai pengguna kita perlu bijak memilih membeli buah durian yang ditawarkan dengan harga berpatutan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	24

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Chukai

Menyedari keadaan orang ramai yang terjejas pendapatan ketika ini berikutan pandemik Covid-19 melanda, seorang pengusaha ladang nanas terdorong untuk menjual hasil tanamannya itu dengan harga RM4 sekilogram.

Harga jualan nanas MD2 itu jauh lebih murah berbanding harga pasaran ketika ini iaitu antara RM7 hingga RM8 sekilogram.

Azman Mohamad, 56, dari Kampung Cabang Kertih berkata, dia sengaja menurunkan harga nanas MD2 yang diusahakannya untuk memastikan semua penduduk mempunyai kemampuan untuk membelinya.

"Jika ikutkan sambutan terhadap nanas MD2 itu sangat tinggi sekarang, malah buah tidak mencukupi untuk menampung permintaan daripada pemborong.

"Ramai pemborong dan penjual nanas di sekitar Kemaman dan Dungun ingin membeli nanas itu dengan harga borong RM5 sekilogram, tetapi saya tidak mahu terlalu mengejar keuntungan.

"Saya tetap dengan pendirian menjual nanas itu kepada penduduk setempat dengan harga RM4 sekilogram sahaja," katanya ketika ditemui di ladangnya di Kampung Chabang Kertih di sini, semalam.


Menurutnya, dia memulakan usaha menanam nanas itu sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac tahun lalu.

"Saya berasa buntu sepanjang PKP dikuat kuasa ketika itu kerana tidak dapat bekerja sebelum mengambil keputusan memanfaatkan waktu terluang itu mengusahakan ladang terbabit.

"Hasil sokongan ahli keluarga, adik-beradik dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), saya

Turun harga MD2 RM4 sekilo

Pengusaha ladang sengaja turunkan harga agar lebih ramai mampu membeli ketika pandemik



AZMAN (kanan) dari Kampung Cabang Kertih menunjukkan nanas MD2 yang ditanam dan dijual pada harga RM4 sekilogram.

berjaya mengusahakan ladang itu sehingga mengeluarkan hasil sekarang.

"Selepas setahun tiga bulan, segala

pengorbanan dan penat lelah saya terbayar apabila kira-kira

40,000 daripada 51,000 pokok nanas yang ditanam mengeluarkan hasil," katanya.

Menurutnya, keputusannya mengusahakan la-

dadang nanas dan membelanjakan wang simpanan lebih RM35,000 memberi pulangan lumayan kepadanya.

"Setakat ini, sebanyak 2,000 biji nanas sudah terjual dan musim memetikannya dijangka berlarutan hingga hujung tahun ini," katanya.

Sejumlah 40,000 nanas yang ditanam Azman mengeluarkan hasil

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	SINAR HARIAN	SINAR PAHANG	24

Tidak dapat teruskan perniagaan kerana tiada bekalan ikan, penutupan kompleks LKIM

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seramai 80 penjual ikan di Pasar Besar Kuantan tidak dapat meneruskan perniagaan kerana ketiadaan bekalan ikan susulan penutupan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuantan pada Rabu lalu.

Rata-rata mereka berdepan situasi itu bermula Ahad lalu dan kini tinggal 20 peniaga sahaja yang masih aktif berniaga dengan menjual ikan sejuk beku.

Ini membuktikan walaupun masih terdapat jeti pendaratan nelayan yang lain, antaranya di Beserah dan Pantai Sepat, namun jumlah bekalan dari jeti terbabit tidak dapat memenuhi keperluan peniaga ikan di Pasar Besar Kuantan.

Peniaga, Zahari Mohd Nor, 59, mengakui berdepan kesukaran untuk mendapat bekalan ikan segar dan terpaksa mencari alternatif lain dengan menjual ikan sejuk beku kepada pelanggan.

"Buat masa ini, kebanyakan peniaga mendapatkan bekalan (ikan sejuk beku) daripada pembekal di Batu 3, Jalan Kuantan-Gambang.

"Bekalan itu pun tidak banyak dan kalau penutupan Kompleks LKIM disambung lagi selepas ini, memang kami berdepan masalah untuk terus berniaga.

"Kalau masalah ini berterusan, susahlah kerana ini adalah sumber pendapatan utama kami," katanya ketika ditemui Pasar Besar Kuantan pada Isnin.

Zahari yang sudah 30 tahun berniaga ikan berharap pihak LKIM dapat mencari jalan pe-

80 penjual ikan Pasar Besar Kuantan tutup kedai



Tinjauan Sinar Harian pada Isnin mendapati hanya beberapa peniaga yang masih menjalankan aktiviti penjualan ikan di Pasar Besar Kuantan.

nyelesaian terhadap permasalahan ini bagi mengelak ketiadaan sumber pendapatan.

Seorang lagi peniaga, Mohd Zaki Mat Daud, 53, berharap masalah penularan Covid-19 yang menjadi punca penutupan kompleks LKIM Pahang tidak serius dan sekali gus membenarkan kompleks itu beroperasi semula.

Menurutnya, jika berlaku sebaliknya, penjual ikan di Pasar Besar Kuantan terpaksa pasrah dan reda dengan kehilangan punca pendapatan ini.

"Jika penutupan kompleks itu disambung lagi selepas seminggu dua ini, memang kami tidak tahu apa nak buat.

"Peniaga yang ada hubungan dengan pembekal, mungkin mereka tidak ada masalah sangat, tapi harganya memang mahal berbanding jika kita ambil sendiri dari jeti (Kompleks LKIM-



GHAZLI YUSOF

MOHD ZAKI

ZAHARI

Pahang)," ujarnya.

Ghazli Yusof, 61, pula mahu pihak berkuasa membantu mempermudah urusan peniaga mendapatkan bekalan dari jeti pendaratan ikan persendirian.

Jelasnya, ini bagi memastikan peniaga dapat meneruskan kelangsungan hidup.

"Kita bukan untung besar dan sekarang memang susah hendak dapatkan bekalan. Berilah kelonggaran sedikit kepada kita

untuk membeli ikan dari jeti bu- kan komersial, jeti nelayan per- sendirian dan jeti komuniti.

"Bila ada kelonggaran sekurang-kurangnya kita sama- sama boleh cari makan, peniaga pun boleh berniaga dan nelayan kecil-kecilan pun boleh cari ma- kan," katanya.

Sementara itu, seorang pe- langgan, Rohana Abu Bakar, 51, mengakui berlaku sedikit kenaikan harga ikan segar berbanding

sebelum penutupan Kompleks LKIM Pahang.

Dia yang menetap di Indera Mahkota 1, terpaksa ke Pasar Nelayan Beserah bagi membeli ikan segar.

"Saya terpaksa datang ke sini (Pasar Nelayan Beserah) kerana bekalan dan pilihan ikan segar di Pasar Besar Kuantan agak terhad. Tapi harga memang ada naik sikit dan ini ada kaitan dengan kesukaran untuk peniaga mendapatkan bekalan ikan segar.

"Macam harga ikan pelaling, biasanya antara RM12 hingga RM14 sekilogram, tapi hari ini, RM16 sekilogram. Tapi, kita beli jugalah sebab ini saja (pilihan) yang ada," katanya.

Pada 23 Jun lalu, notis perin- tah penutupan Kompleks LKIM Kuantan telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dipercayai atas sebab jangkitan Covid-19 di kompleks tersebut.

124 vesel masih belum mendaratkan hasil tangkapan

KUANTAN - Masalah kekurangan bekalan ikan segar di sini tidak akan berlaku kerana terdapat 124 vesel daripada vesel pukut tunda, vesel pukut jerut dan vesel bubu masih belum mendaratkan hasil tangkapan mereka.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang, Farah Shahadah Zakaria berkata, kapasiti kesemua vesel ini dianggarkan berjumlah 1,067 tan metrik dan mencukupi untuk bekalan sepanjang tujuh hari kompleks LKIM Kuantan ditutup.

Menurutnya, terdapat tiga pasar nelayan di sekitar Kuantan iaitu di Balok, Kempadang dan Sepat menyediakan bekalan terus daripada nelayan Zon A yang menggunakan sampan jenis fiber dan mendaratkan sebanyak empat tan matrik ikan.

"Pasar nelayan ini beroperasi enam hari seminggu, bermula hari Sabtu hingga Khamis dan kita percaya masalah bekalan ikan segar kepada pelanggan tidak terjejas.

"Malah, stok bekalan ikan juga adalah mencukupi dan konsisten dengan bekalan

dan permintaan walaupun dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) bermula 1 Jun lalu dan notis perintah tutup premis kompleks ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau memaklumkan, pada Mei lalu, kompleks LKIM Kuantan telah melakukan pendaratan ikan sebanyak 4,028 tan metrik sebulan dengan nilai RM9,729,310.40 berbanding 5,724.69 tan matrik (RM140,234,051.73) bagi tahun lalu.

Jelasnya, ia mengambil kira pelbagai

spesies ikan seperti aya, selar, selar kuning, tenggiri, kembong, kerisi, se- layang, lolong, pari dan sebagainya.

"Kita jangka harga jualan ikan meningkat sedikit iaitu pada kadar satu hingga lima peratus disebabkan faktor lain iaitu kesukaran pengendalian dan pengedaran ikan yang didaratkan di luar Kompleks LKIM seperti bekalan ais serta kemudahan pendaratan (kren, tong ikan) sepertimana yang disediakan di Kompleks LKIM Kuantan," ujarnya.